



AKHBAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	3/10/2019	MUKA SURAT : 62
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

**Gajah Pygmy mati ditembak**

**Polis membawa suspek** untuk menunjukkan lokasi gading gajah yang disembunyikan dalam tanah di kebun buah-buahan di FELDA Umas, Tawau, semalam. Gambar kanan, Ketua Polis Tawau, Asisten Komisioner Peter Umbuas (tengah) menunjukkan gading gajah yang disembunyikan suspek (Foto Abdul Rahemang Taiming /BH)

# Enam suspek kena tahan

**56 peluru hidup, tiga senjata api dirampas**

Oleh Abdul Rahemang Taiming  
bhnews@bh.com.my

**Tawau:** Polis semalam menahan enam individu dan merampas 53 kelongsong peluru, 56 peluru hidup serta tiga senjata api dipercayai digunakan suspek kes pembunuhan kejam gajah Pygmy Borneo di Kalabakan, minggu lalu.

Ketua Polis Tawau, Asisten Komisioner Peter Umbuas, berkata enam suspek berkenaan, termasuk seorang warga asing berumur antara 48 hingga 68 tahun, ditahan dalam serbuan di kawasan FELDA Umas, di sini.

Beliau berkata, dalam serbuan itu, polis merampas selaras pumpgun buatan Iver Johnson Single Barrel 30", senapang angin jenis

Raifal buatan sendiri jenama Sharp Innova dan selaras bakakuk atau senapang patah buatan sendiri.

Turut dirampas, sembilan butir peluru hidup jenis Gb Buckshot warna putih, 47 kelongsong peluru jenis Mega Oob warna hijau, tiga butir kelongsong peluru jenis Rimba warna biru dan sebutir kelongsong peluru jenis Gb Buckshot warna hitam.

Katanya, kelongsong peluru jenis Winchester Buckshot warna merah (dua), buku lesen memiliki senjata api dan peluru dengan nombor siri 110937 Bil T/L/160, peluru warna hijau pelbagai jenama (23 butir), peluru jenis Rimba (20 butir) dan peluru jenis Rio Royal 00 Buck Lg (empat butir) juga dirampas.

"Ada maklumat ditularkan melalui media sosial Facebook, myTawau, pada 25 September lalu kira-kira jam 9.25 malam berhubung penemuan satu bangkai gajah yang berikat tali di leher dan terapung di kawasan hulu Sungai

Udin, Dumpas.

"Bertindak atas maklumat itu, pada 2 Oktober (semalam) kira-kira jam 12.02 tengah malam, sepasukan polis daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau menjalankan operasi di FELDA Umas 4 dan menahan seorang

**Sebanyak tiga serbuan susulan dijalankan di kawasan FELDA Umas. Empat suspek lelaki ditahan disyaki memiliki senjata api buatan sendiri. Dua lagi suspek ditahan tengah hari tadi (semalam).**

Peter Umbuas,  
Ketua Polis Tawau

lelaki disyaki terbabit kes ini.

"Sebanyak tiga serbuan susulan dijalankan di kawasan FELDA Umas. Empat suspek lelaki ditahan disyaki memiliki senjata api buatan sendiri. Dua lagi suspek ditahan pada tengah hari tadi (semalam)," katanya pada sidang media, semalam.

Beliau berkata, dua daripada enam suspek terbabit dikenal pasti adalah pekerja FELDA Umas yang diberi tanggungjawab mengawasi hidupan liar yang memasuki kawasan ladang.

"Motif pembunuhan gajah itu dipercayai untuk mengambil gading, selain mengikut arahan menjaga kawasan daripada dicerobohi hidupan liar kerana suspek digaji khas bagi menghalau kemasukan haiwan ke kawasan ladang," katanya.

Beliau berkata, semua suspek akan dibawa ke mahkamah bagi mendapatkan perintah tahanan reman, hari ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 8(a) Akta Senjata Api 1960.